

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: BERITA HARIAN		
TARIKH	: 22/12/2019	MUKA SURAT	: 42
JABATAN	: JPS		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Banjir di seluruh negara beransur pulih

Kuala Lumpur: Banjir di seluruh negara beransur pulih, selepas cuaca cerah di beberapa negeri dan kawasan kediaman yang ditenggelami air sudah surut.

Di **Johor**, bilangan mangsa banjir menurun kepada 613 orang dengan hanya 12 pusat pemindahan sementara (PPS) masih dibuka di dua daerah terjejas, setakat jam 4 petang semalam.

Ini berbanding seramai 810 dengan hanya 14 PPS masih dibuka di tiga daerah terjejas, pagi semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar Johor, Tan Chen Choon, berkata daerah Kluang, Mersing, Kota Tinggi dan Pontian pulih sepenuhnya, selepas semua mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Katanya, hanya dua daerah kini terjejas banjir, iaitu Segamat dan Jati Pahat selepas sebuah PPS di Kluang ditutup tengah hari, semalam.

Beliau berkata, beberapa laluan masih ditutup untuk semua kendaraan berkaitan dharki air dan cerun runtuh, iaitu Jalan Tanah Abang di Mersing, manakala tiga lagi jalan di Segamat ialah Jalan Paya Balai Badang, Jalan Puting dan Jalan Tumpang.

Di **Kota Bharu**, cuaca baik se-



Lori meredah banjir akibat limpahan Sungai Golok di Jalan Rantau Panjang Lama, Jeram Perdah, semalam.

jak kelmarin, menjadikan mangsa banjir di Kelantan berkurangan kepada 1,332 orang daripada 493 keluarga, setakat jam 2 petang semalam.

Semua mangsa banjir berkenaan ditempatkan di lapan PPS di Pasir Mas dan Jeli.

Berdasarkan aplikasi info bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), mangsa banjir di

Pasir Mas berkurangan kepada 1,182 orang daripada 456 keluarga di enam PPS.

Mangsa banjir di Jeli, juga turun kepada 150 orang daripada 37 keluarga di dua PPS, iaitu di Sekolah Kebangsaan Jeli 1 (23 orang daripada 11 keluarga) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Lata (127 mangsa daripada 26 keluarga).

Laman web Jabatan Pengairan dan Saliran, www.publinfo.gov.my, menunjukkan Sungai Golok di Rantau Panjang, masih berada pada paras bahaya dengan bacaan 10.01 meter (m). Semantara itu, Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasnuddin Hassan, berkata setakat ini terdapat lima kes lemas sepanjang musim banjir di negeri ini, bermula awal Disember lalu.

Katanya, gelombang pertama memabihkan tiga mangsa, manakala gelombang kedua pula mengorbankan dua nyawa dan semua mangsa berusia antara tujuh hingga 64 tahun.

"Hasil siasatan awal mendapati kematian semua mangsa diklasifikasikan mati mengejut, kerana kejadian berlaku disebabkan pengharungi air banjir yang kemudiam menyebabkan mereka lemas.

"Walaupun gelombang kedua masih belum berakhir dan dijangka akan berlaku gelombang ketiga selepas ini, saya memastihatkan penduduk yang sebahagian menjadi mangsa banjir supaya lebih berhati-hati dan mengutamakan keselamatan mereka".

Di **Kuantan**, cuaca cerah seluruh Pahang membolehkan banjir sepenuhnya selepas dua PPS ditutup, petang semalam.

Jurucakap Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pahang berkata, paras Sungai Pahang di Paloh Hinai, Pekan, kekal melepasi paras amaran, iaitu 9.89m berbanding paras normal 6.50m.

Beliau berkata, tiga jalan ditutup kepada semua kenderaan di Jalan Lubuk Batu dan Jalan Iban - Kampung Aur, Rompin, masing-masing ditenggelami air antara satu hingga 2.70m.

Begitu juga di Jalan Sereng-kam, Maran yang ditenggelami air sedalam 0.80m manakala Jalan Kuala Mentiga - Terapi di Pekan, pula hanya boleh dilalui kenderaan berat apabila jalan ditenggelami air sedalam 0.15m.

Di **Sabah**, hanya 18 kampung di Beaufort masih digenangi air; manakala banjir di 19 lagi kampung di kawasan Membakut sudah pulih sepenuhnya, semalam.

Ini menjadikan tinggal 398 mangsa banjir memabihkan 141 keluarga yang masih berada di PPS di Kampung Selagon, petang semalam.

Antara kampung yang masih dilanda banjir adalah Kampung Bakalan, Balbata, Binunuk, Mapati, Susa, Kangsa, Kukup, Jabang, Lago, Beringin, Lawa, Berumbai, Betandok Lubak, Bingkulu, Luagan dan Padas Valley.